

BAB TIGA: PEMBIAYAAN PERIBADI DAN PELAKSANAANNYA DI AMISLAMIC BANK BERHAD

3.1 Pengenalan

Pembiayaan peribadi adalah salah satu mekanisme bagi memudahkan pelanggan sesebuah institusi untuk mendapatkan tunai, barang atau perkhidmatan sebagai kegunaan persendirian dengan cara bayaran mudah¹. Permintaan masyarakat terhadap pembiayaan peribadi semakin meningkat dari setahun ke setahun kerana untuk memenuhi keperluan kewangan mereka². Pembiayaan peribadi berbeza dengan pinjaman peribadi kerana dalam pembiayaan peribadi terdapat aqad. Antara prinsip yang digunakan ialah prinsip jual beli, sewaan atau perkongsian. Manakala pinjaman peribadi pula melibatkan proses pinjam meminjam yang menggunakan prinsip *qard al-hasan*³. Oleh yang demikian, hukum pembiayaan adalah diharuskan di sisi Islam selagi ia tidak terdapatnya riba dalam urusan transaksi tersebut⁴.

3.2 Konsep Pembiayaan Peribadi

Pembiayaan peribadi ialah perjanjian antara bank yang mengeluarkan wang dengan pelanggan bank yang memerlukan wang untuk membuat sesuatu pembiayaan. Sumber pembiayaan boleh didapati dalam dua kategori iaitu melalui modal sendiri dan

¹Zaharuddin Ab Rahman, <http://www.zaharuddin.net/perbankan-&-insuran/251-wujudkah-pinjaman-peribadi-secara-Islam-yang-halal.html>, 18 Jun 2012 .

²Asmak Ab Rahman et al (2010), “Bay’ al-Tawarruq dan Aplikasinya dalam Pembiayaan Peribadi di Bank Islam Malaysia Berhad”, *Jurnal Syariah*, Jil. 18 Bil.2, Mei-Ogos 2010, h. 353.

³Mahmud Saidun (1994), “Teori dan Bentuk-Bentuk Kontrak Muamalat Berkaitan dengan Perbankan” (Kertas Kerja Seminar Ekonomi Islam di Hotel National Productivity Centre, 18-19 Januari 1994).

⁴Ahamad Hidayat Buang (1996), “Credit in Islamic Law: Konsep Harta dalam Islam”, *Monograf Syariah iv*, Jawatankuasa Penyelidikan dan Penerbitan, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Mei 1996, h. 50.

juga lain-lain modal⁵. Lain-lain modal dapat dibahagikan pula kepada dua iaitu pembiayaan ekuiti dan pembiayaan hutang⁶.

3.2.1 Definisi Pembiayaan Peribadi

Berdasarkan kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, pembiayaan adalah dari perkataan biaya ia diberi maksud sebagai perihal perbuatan membiayakan atau membiayai sesuatu iaitu melibatkan keperluan kos⁷. Pembiayaan juga bermaksud peruntukan kewangan⁸. Pembiayaan sinonim dengan perbelanjaan wang⁹. Manakala maksud peribadi pula ialah perkara-perkara yang melibatkan hal orang perseorangan atau persendirian¹⁰.

Pembiayaan peribadi merupakan suatu aplikasi prinsip kewangan yang bergantung kepada latar belakang ekonomi peribadi seseorang untuk membiayai sesuatu¹¹. Ia juga dapat didefinisikan secara umum sebagai satu infrastruktur kewangan yang ditawarkan di sesebuah institusi untuk memperuntukkan sejumlah pembiayaan ke atas pelanggannya¹².

Tujuan pembiayaan peribadi ialah untuk mendapatkan kemudahan tunai atau mendapatkan sesuatu barang atau perkhidmatan kegunaan sendiri dengan cara yang

⁵Pembiayaan yang melibatkan pihak lain. Rujuk kepada: Sheikh Ghazali Sheikh Abod (1994), *An Introduction to Islamic Economics and Finance*. Kuala Lumpur: CERT Publications, h. 256-257.

⁶*Ibid.*

⁷*Kamus Dewan Edisi 4* (2007), c. 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 180.

⁸Ali bin Muhammad al-Jum'ah (2000), *Mu'jam al-Mustalahat al-Iqtisadyah wa al-Islamyyah*. Riyadh: Maktabah al-'Abikan, h. 190.

⁹*Ibid.*, h. 153.

¹⁰*Ibid.*, h. 1184.

¹¹Abdul Ghaffar Ismail (2010), *Money, Islamic Banks and the Real Economy*. Malaysia: Cengage Learning Asia Pte Ltd, h. 148.

¹²Christopher Pass et.al (1995), *Dictionary of Economics*. Omar al-Ayoubi (terj.). Beirut: Academia International, h. 309.

mudah. Pembiayaan peribadi berbeza dengan pembiayaan lain seperti pembiayaan korporat, pembiayaan import-eksport dan sebagainya kerana ia adalah bertujuan untuk kegunaan peribadi¹³.

3.2.2 Sejarah Pembiayaan Peribadi

Pembiayaan peribadi telah wujud sejak sebelum kedatangan Islam. Hal ini dapat dibuktikan dengan keadaan masyarakat Arab pada zaman Rasulullah S.A.W lagi yang aktif berurusan dengan perdagangan¹⁴. Mereka telah menggunakan pembiayaan ekuiti¹⁵ dan pembiayaan hutang dalam perdagangan mereka¹⁶.

Bagi pembiayaan ekuiti, pemilik modal menggunakan aqad *al-ishtirak* iaitu kontrak usaha sama atau perkongsian untung, rugi modal dan perusahaan¹⁷. Prinsip yang mengandunginya ialah konsep *mudharabah*¹⁸ dan *musharakah*¹⁹. Konsep *mudharabah* terbahagi kepada dua iaitu *mudharabah mutlaq*²⁰ dan *mudharabah al-muqayyadah*²¹.

¹³Pembiayaan peribadi mengikut perspektif Syariah, www.Islam.gov.my/muamalat/sites/default/artikel/2012/03/artikel_buku_muzakarah_penasihat_Syariah_ke_wangan_Islam11.pdf, 27 Jun 2012.

¹⁴Abu Muhammad 'Abd al-Malik Ibn Hisham (1955), *al-Sirah al-Nabawiyah Li Ibn Hisham*. Mustafa al-Saqa (eds.) j. 1 & 2, c. 2. Mesir: Syarikah Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halbi wa Auladihi, h. 188; Sudin Haron et al. (1996), *Islamic Banking Sistem: Concepts and Applications*, Petaling Jaya: Pelanduk Publication, h. 4.

¹⁵Pembiayaan ekuiti, http://www.smeinfo.com.my/index.php?option=com_content&view=article&id=1312&itemid=1279&lang=ms. 20 November 2011.

¹⁶Bank Islam Malaysia Berhad (1994), *Islamic Banking Practice: From The Practitioner's Perspective*. Kuala Lumpur: BIMB, h. 380.

¹⁷H. Nasrun Haroen (2007), *Fiqh Muamalat*. Jakarta: Gaya Media Pratama, h. 99.

¹⁸Suatu kontrak yang berprinsip perkongsian keuntungan dan kerugian ditanggung oleh pemodal. Ia berdasarkan kepada syarat yang telah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. Rujuk: Ab. Mukmin Ab. Ghani (1999), *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam di Malaysia, h. 380.

¹⁹Suatu kontrak perkongsian antara dua orang atau lebih dengan memberikan modal dan mendapat keuntungan masing-masing. Rujuk: Muhammad Rawwas Qal'ah Ji (2000), *al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Muyassarah*, j.2. Beirut: Dar al-Nafa'is, h. 1137-1138; Mahsin Hj. Mansor (1988), *Konsep Syariah dalam Bank Islam*. Kuala Lumpur: Bank Islam Malaysia Berhad. h. 55.

²⁰Satu pihak menyerahkan modal kepada satu pihak yang lain untuk diusahakan dengan bebas tanpa mengenakan syarat. Rujuk: H. Nasrun Haroen (2007), *op.cit.*, h. 175.

Manakala musharakah pula terbahagi kepada empat bahagian iaitu *sharikah al-'inan*²², *sharikah al-abdan*²³, *sharikah al-mufawadah*²⁴ dan *sharikah al-wujuh*²⁵.

Bagi pembiayaan hutang pula, pemilik modal menggunakan aqad *al-mu'awadat* iaitu kontrak tangguh pertukaran. Aqad ini termasuk dalam riba kerana terlibat dengan riba *nasi'ah* iaitu riba berasaskan pinjaman. Antara prinsip yang digunakan dalam kontrak ini ialah *al-bay' bithaman al-ajil*²⁶, *bay' al-murabahah*²⁷, *al-ijarah*²⁸, *bay' al-salam*²⁹, dan *bay' al-istisna'*³⁰.

²¹Satu pihak menyerahkan modal kepada satu pihak untuk diusahakan dengan mengenakan syarat tertentu oleh pemilik modal. Rujuk: *Ibid*; Kamaruzzaman Nordin et al. (2006), "Potensi Penggunaan 'uqud Isytirak dalam Pembiayaan Pasaran Modal Teroka secara Islam", dalam Ab. Mumin Ab Ghani et al.(ed.), *Dinamisme Kewangan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press, h. 107.

²²Perkongsian harta antara individu untuk perniagaan, keuntungan ditanggung bersama berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui dan kerugian berdasarkan modal masing-masing. Hukumnya harus. Rujuk: Sayyid Sabiq (1994), *Fiqh al-Sunnah*, j.3, c. 2. Kaherah: Dar al-Fath Lil 'Ilam al-'Arabi, h. 289; Kamal Azhari (1983), *op.cit.*, h. 79.

²³Perkongsian hasil daripada kepakaran masing-masing yang diletakkan dalam satu tabung dan dibahagikan sama rata tanpa bahagian khusus. Rujuk: Sayyid Sabiq (1994), *op.cit.*, h. 260. Mahsin Mansor (1983), *op.cit.*, h. 55.

²⁴Perkongsian ke atas persamaan modal, usaha dan keuntungan, manakala risiko ditanggung bersama. Rujuk: Wahbah Zuhayli (1995), *Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, j. 10. Damshq: Dar al-Fikr, h. 797.

²⁵Dua individu atau lebih membeli sesuatu secara hutang tanpa mengeluarkan modal, dan mereka berusaha untuk mendapatkan keuntungan ke atas barang tersebut. Manakala keuntungan akan dibahagikan sama rata antara mereka. Rujuk: Hasan Ayyub (1998), *Fiqh al-Mu'amalah al-Maliyyah fi al-Islam*, j. 2. Kaherah: Dar al Tawzi' wa al-Nashr al-Islamiyyah, h. 234; Muhammad Kamal Azhari (1983), *op.cit.*, h. 80.

²⁶Sama dengan *bay' al-muajjal* dan *bay' al-taqsid* iaitu kaedah pembelian dengan bayaran dan masa yang telah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak secara ansuran dengan segera penyerahan barang. Rujuk: Al-Syafi'i (2001), *al-Umm*, j. 4. Dar al-Wafa': al-Mansurah, h. 190; Zaharuddin Abd Rahman (2009), *Panduan Perbankan Islam: Kontrak & Produk Asas*. Selangor: Telaga Biru Sdn.Bhd, h. 33.

²⁷Jual sesuatu barang dengan harga yang lebih tinggi daripada harga belian iaitu harga kos dicampur dengan keuntungan yang diketahui. *Ibid.*, h. 19. ; Muwaffaq al-Din Abi Muhammad 'Abd Allah Ibn Ahmad Ibn Muhammad Ibn Qudamah (1997), *al-Kafi*, j. 3. Giza: Hajr, h. 135.

²⁸Akad *mu'awadah al-maliah*: jual beli manfaat sesuatu barang dengan cara menyewa megikut waktu yang telah ditetapkan. Rujuk: *Ibid.*, h. 65; Said M. Elfakhani et al. (2007), "Marketing of Islamic Financial Products", dalam M. Kabir Hassan et al. (eds.), *Handbook of Islamic Banking*. Great Britain: MPG Books Ltd, h. 119.

²⁹Kontrak yang melewati penyerahan barang dengan mendahulukan harga dalam majlis aqad. Rujuk: Ahmad Ibn Muhammad Ibn Qudamah (1997), *op.cit.*, h. 153; Al-Syafi'i (2001), *op.cit.*, h. 181; Ab Mukmin (1999), *op.cit.*, h. 425; Tajul Islam (2009), "Mechanics of Islamic Banking", dalam Atul Huq Pramanik (ed.), *Islamic Banking How Far Have We Gone*. Kuala Lumpur: IIUM Press, h. 140.

³⁰Kontrak pesanan atau tempahan sesuatu aset pertukangan iaitu pembeli menempah sesuatu untuk disiapkan dan dikeluarkan dalam satu masa yang ditentukan dan cara bayaran serta harga telah ditetapkan atas persetujuan bersama. Rujuk: Mahsin Hj Mansor (1983), *op.cit.*, h. 35; Angelo M Venardos (2007), *Islamic Banking & Finance in South-East Asia*. Singapore: World Scientific Publishing Co.Pte. Ltd., h. 69; Joni Tamkin Borhan (2002), "Istisna' in Islamic Banking: Concept and Application", *Jurnal Syariah*, Jil. 10, Bil.2, Julai 2002, h. 99.

Sebelum turunnya wahyu kepada Rasulullah SAW amalan riba digunakan berleluasa³¹ tetapi selepas kedatangan Islam, segala perkara yang bertentangan dengan Syariah dihapuskan³². Perkara utama yang dihapuskan dalam perdagangan ialah riba. Manakala, perkara yang tidak bertentangan dengan syarak dikekalkan. Oleh itu, pembiayaan dalam perbankan Islam pada hari ini mengiktirafkan pembiayaan ekuiti dan hutang tanpa unsur riba dalam mengaplikasikan produk-produk baru mereka.

3.2.3 Ciri-Ciri Pembiayaan Peribadi

Pembiayaan peribadi diperlukan untuk memenuhi keperluan individu dengan skim bayaran mudah. Terdapat ciri-ciri pembiayaan peribadi yang telah diketengahkan dalam pasaran semasa iaitu³³:

1. Prosedur untuk memohon perkhidmatan ini lebih mudah daripada pembiayaan lain kerana tidak memerlukan banyak dokumen. Tetapi ia juga bergantung kepada institusi pembiayaan seperti memerlukan penjamin atau tidak.
2. Tempoh pembayaran pembiayaan adalah singkat kerana jumlah pembiayaan kecil. Biasanya hanya mengambil masa antara lima hingga tujuh tahun sahaja kerana bergantung kepada ketahanan sesuatu barangan.

³¹Abu al-Hasan 'Ali al-Husaini al-Nadawi (2001), *al-Sirah al-Nabawiyah*, c. 12. Beirut: Dar Ibn Kathir, h. 91.

³²Joni Tamkin Borhan et.al (2006), *Untung dalam Sistem Perbankan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 71.

³³Dr.Mohd Daud Bakar, Ketua Pegawai Eksekutif, Amanie Advisors, [www.Islam.gov.my/muamalat/sites/default/files/artikel/2012/03/artikel-buku-muzakarah-penasihat Syariah-kewangan-Islam11.pdf](http://www.Islam.gov.my/muamalat/sites/default/files/artikel/2012/03/artikel-buku-muzakarah-penasihat-Syariah-kewangan-Islam11.pdf), 20 Julai 2012.

3. Barang atau perkhidmatan yang dibiayai oleh pihak bank biasanya keperluan untuk pengguna sahaja seperti kad kredit, kad debit dan sebagainya.

3.3 Perbankan Islam

Perbankan Islam ialah perbankan yang melaksanakan operasi yang selaras dengan sistem nilai Islam seperti keadilan sosial dan kebajikan.³⁴ Ia juga bermaksud institusi yang telah menghapuskan segala faedah³⁵ dan digantikan dengan alternatif lain yang tidak bertentangan dengan Syariah Islam untuk memudahkan umat Islam bermuamalat dengan sistem perbankan³⁶. Manakala Persatuan Bank-Bank Islam Antarabangsa (IAIB³⁷) telah ditubuhkan untuk menggerakkan dana dan menggunakannya selaras dengan prinsip Islam³⁸. Oleh itu, bank juga boleh diklasifikasikan sebagai pengantara kewangan kerana ia sebuah institusi yang menghubungkan antara pihak yang mempunyai lebihan dana dengan pihak yang kekurangan dana³⁹. Antara kelebihan perbankan Islam adalah tidak beroperasi secara hutang tetapi secara ehsan⁴⁰.

3.3.1 Sejarah dan Perkembangan Penubuhan Sistem Perbankan Islam

Perbankan Islam adalah suatu system perbankan yang berlandaskan Syariah. Sistem ekonomi Islam di peringkat dunia bermula dengan penubuhan Bank

³⁴Ziauddin Ahmad (1984), *Concept and Model of Islamic Banking: An Assessment*. Islamabad: International Institute of Islamic Economics, h. 5.

³⁵Joni Tamkin Borhan (2006), *op.cit.*, h. 69.

³⁶Joni Tamkin Borhan (2000), "Pemikiran Perbankan Islam: Sejarah dan Perkembangannya", *Jurnal Usuluddin*, Bil. 12 Disember 2000, h. 106.

³⁷International Association of Islamic Banks.

³⁸Adnan M. Abdeen (1984), *The Saudi Financial System*. New York: John Wiley & Sons Ltd, h.170.

³⁹Asmak Ab Rahman et. al (2010), *op.cit.*, h. 349.

⁴⁰*Ensiklopedia Islam untuk Pelajar* (2003), Abu Bakar Ismail et al. Malaysia: Era Visi Publication Sdn Bhd., h. 103.

Pembangunan Islam dan Bank Islam Dubai pada tahun 1975⁴¹. Manakala, sejarah kewangan Islam di Malaysia bermula dengan terbinanya Lembaga Tabung Haji pada November 1962 dan beroperasi pada 30 September 1963⁴². Namun begitu, prinsip kewangan Islam yang sebenarnya telah diaplikasi di Malaysia dalam undang-undang Melaka sejak seawal abad ke 16 lagi⁴³. Hal ini boleh dirujuk dalam Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka⁴⁴.

Pada awal 80an, pelbagai pihak telah menggesa kerajaan Malaysia untuk menubuhkan perbankan Islam antaranya pada tahun 1980, Kongres Ekonomi Bumiputera telah membuat usul untuk kerajaan membina bank yang berlandaskan Syariah⁴⁵. Oleh itu, pada 1 Julai 1983, Bank Islam Malaysia Berhad telah ditubuhkan dan diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965⁴⁶.

Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) adalah bank perdagangan⁴⁷ yang telah berjaya ditubuhkan untuk membantu para Muslim berurusan dengan perbankan yang berlandaskan Islam dengan bermodalkan RM500 juta dan modal berbayar sebanyak 80

⁴¹Noorzila Jamaludin (2005), "Sejarah Perbankan Islam". *Al-Islam*, Julai, h. 22.

⁴²Abdul Salam b Muhammad Shukri (2009), "Kedudukan Pandangan Imam al-Shafi'i dalam Realisasi Mazhab Shafie di Malaysia", *Jurnal Jaheik*, Bil. 2, 2009, h. 92.

⁴³Mahmood Zuhdi Abdul Majid (1997) *Undang-undang Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: University Malaya, h. 48.

⁴⁴Muhammad Yusoff Hashim (1989), *Kesultanan Melayu Melaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 220.

⁴⁵Zakariya Man (1991), "Islamic Banking: Prospects for Mudharabah and Musyarakah Financing", dalam Abul Hassan M.Sadeq et al. (eds.), *Development of Finance in Islam*. Petaling Jaya: International Islamic University Press, h. 241.

⁴⁶Rustam Muhammad Idris (2002), "Perkembangan Sistem Perbankan dan kewangan Islam di Malaysia", dalam Nik Mustafa Nik Hassan (eds.), *Ekonomi Islam dan pelaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam di Malaysia, h. 317.

⁴⁷Bank yang menawarkan perkhidmatan peruncitan, kemudahan pembiayaan, perbendaharaan dan pembayaran serta kemudahan akaun semasa dan pengeluaran cek. Rujuk: Bank Negara Malaysia (1999), *Bank Negara Malaysia dan Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, h. 443.

juta⁴⁸. Penubuhan Bank Islam Malaysia Berhad telah menjadi titik permulaan bagi perkembangan sistem kewangan berlandaskan Islam di Malaysia⁴⁹.

Namun begitu, kerajaan telah memberi peluang kepada bank-bank konvensional yang ingin mencuba memenuhi kehendak pelanggan untuk mendapatkan perkhidmatan yang berlandaskan Syariah dengan membina sistem Perbankan Islam pada Mac 1993⁵⁰. Oleh yang demikian, bank perdagangan, bank saudagar⁵¹ dan syarikat kewangan⁵² mula dibenarkan untuk menawarkan produk dan perkhidmatan yang berlandaskan Syariah iaitu Sistem Perbankan Tanpa Faedah (SPTF)⁵³. Pada Oktober 1999, bank Islam yang kedua pula ditubuhkan iaitu Bank Muamalat Malaysia Berhad⁵⁴.

Sehingga Disember 2004, terdapat tiga bank Islam, 14 bank komersial, sepuluh dari syarikat-syarikat kewangan, lima dari bank-bank perdagangan, dan tujuh dari rumah-rumah diskaun⁵⁵ yang menawarkan perkhidmatan perbankan Islam⁵⁶. Oleh yang demikian, dana yang diperolehi melalui urus niaga Islam perlu diasingkan daripada dana

⁴⁸Bank Islam, www.bankIslam.com.my/en/Pages/CorporateProfile.aspx?tabs=1&mlink=&mmlink=, 18 Julai 2012.

⁴⁹Nor Mohamed Yakcop (1996), *Teori Amalan dan Prospek Sistem Kewangan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd., h. 53.

⁵⁰Noorzila Jamaludin (2005), *op.cit.*, h. 23.

⁵¹Mempunyai kepakaran khusus dalam menyediakan perkhidmatan dan berfungsi sebagai perantara khusus kewangan dalam pasaran wang dan modal. Rujuk: Ab.Mumin Ab.Ghani et al. (2006), "Struktur Sistem Kewangan Islam (SKI) di Malaysia", dalam Ab.Mumin Ab.Ghani et al. (eds.), *op.cit.*, h. 10.

⁵²Syarikat yang terlibat dalam kegiatan memberi pinjaman wang. Rujuk: *Ibid.*

⁵³Nor Mohamed Yakcob (1996), *Sistem Kewangan Islam di Malaysia: Teori, Amalan dan prospek*. Kuala Lumpur: Utusan Publications, h. 55; Ministry of Finance (1993), *Economic Report 93/94*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad, h. 224.

⁵⁴Mariani Abdul Majid et al. (2005), "Efficiency of Islamic Banks in Malaysia", dalam Munawar Iqbal et al. (eds.), *Islamic Finance and Economic Development*. Britain: Antony Rowe Ltd., h. 95.

⁵⁵Ditubuhkan untuk menjalankan operasi pasaran wang jangka pendek. Rujuk: Ab.Mumin Ab.Ghani et al. (2006), *op.cit.*, h. 11.

⁵⁶*Ibid.*; Noorzila Jamaludin (2005), "Senarai Institusi Kewangan yang Menawarkan Perkhidmatan Perbankan Islam". *Al-Islam*, Julai, h. 24.

dari urus niaga konvensional, supaya tidak berlaku pencampuran dana antara urus niaga Islam dan konvensional⁵⁷.

Antara peranan Skim Perbankan Islam adalah untuk menarik jumlah pendeposit dan menyalur dana terkumpul untuk membiayai kemajuan ummah⁵⁸. Tidak seperti perbankan konvensional yang hanya bermatlamatkan keuntungan yang maksimum semata-mata, dengan menjalankan aktiviti pinjaman⁵⁹.

Bank Islam dan institusi perbankan Islam di bawah Skim Perbankan Islam perlu menubuhkan jawatankuasa penasihat Syariah untuk mendapatkan nasihat dan memastikan segala gerak kerja mematuhi prinsip Syariah⁶⁰. Ini menunjukkan bahawa Malaysia mampu melaksanakan sistem perbankan Islam seiring dengan sistem perbankan konvensional⁶¹.

3.3.2 Objektif Sistem Perbankan Islam

Terdapat persamaan antara objektif perbankan Islam dengan objektif perbankan konvensional iaitu bermotifkan untuk mendapatkan hasil keuntungan⁶². Keuntungan sangat penting, kerana ia diperlukan untuk mengembangkan lagi operasi perbankan Islam setanding dengan perbankan konvensional. Malahan, kerugian dan keuntungan merupakan lambang prestasi sesebuah perbankan. Namun, perbezaan antara perbankan

⁵⁷Joni Tamkin et. al (2006), *op.cit.*, h. 69.

⁵⁸Noorzila Jamaludin (2005), *op.cit.*, h. 24.

⁵⁹Mohd Radzi Mohd Zin (2012) "Fungsi Skim Perbankan Islam". Utusan Malaysia, Jun 18, h.3.

⁶⁰Noorzila Jamaludin (2005): "Sistem Perbankan Islam Bukan Kosmetik". *Al-Islam*, Julai, h. 18.

⁶¹Nor Mohamed b. Yacop (1996), *op.cit.*, h. 54-55.

⁶²Muhammad Nejatullah Siddiqi (1982), "Islamic Approaches to Money, Banking and Monetary Policies: A Review", dalam Muhammad Ariff (eds.), *Monetary and Fiscal Economics of Islam*. Jeddah: International Centre of Research in Islamic Economics, King Abdul Aziz University, h. 30.

Islam dan konvensional adalah cara operasi yang dijalankan. Operasi yang dijalankan oleh perbankan Islam tidak bertentangan dengan prinsip Syariah Islam yang dikenali juga sebagai *fiqh al-muamalat*. Antara objektif utama perbankan Islam ialah faktor agama dan keuntungan⁶³. Oleh yang demikian, operasi mestilah tidak menjalankan sesuatu perniagaan yang ditegah oleh syarak seperti urus niaga khinzir, arak, judi dan tiada unsur riba, gharar, spekulasi, bahan pornografi serta manipulasi⁶⁴. Namun perlu terikat dengan falsafah Islam iaitu tauhid, *istikhlaf*, *ukhuwwah* dan *tazkiyah*.⁶⁵

Perbankan Islam juga bertanggung jawab menubuhkan syarikat-syarikat pelaburan dan syarikat-syarikat lain yang berlandaskan prinsip Islam⁶⁶. Bank Islam harus menyeimbangkan antara keuntungan untuk terus berkembang maju dan menekankan sifat moral terhadap masyarakat seperti saling bantu membantu, menentang penindasan terhadap golongan miskin, mewujudkan keseimbangan sosial ekonomi dan sebagainya⁶⁷.

Oleh itu, kriteria yang perlu ada dalam sesebuah perbankan Islam ialah dengan menjalankan operasi berpandukan garis panduan yang telah ditetapkan oleh syarak serta membantu negara ke arah pencapaian objektif sosio-ekonomi masyarakat Islam⁶⁸.

⁶³Sudin Haron (1996), *op.cit.*, h. 501.

⁶⁴*Ibid.*; Mohd Yahya Mohd Hosin et al (2009), "Perkembangan Aliran Pembiayaan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) Berdasarkan Jenis Kontrak Muamalah dari Tahun 1990-2007" (Kertas Kerja Seminar Ekonomi Islam Peringkat Kebangsaan di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 10-11 Februari 2009), h. 1.

⁶⁵Ahmad Fauzi Morad (2006 *Tamadun Islam*, c. 5. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, h. 66-68.

⁶⁶*Ibid.*, h.35.

⁶⁷Mabid Ali Al-Jarhi (2005) "The Case for Universal Banking as A Component of Islamic Banking", *Islamic Economic Studies*, v. 12&13, No. 2&1, h. 1.

⁶⁸Ziauddin Ahmad,(1991), "Islamic Banking at The Crossroads" dalam Abdul Hasan M Sadeq et al. (eds.), *Development Of Finance In Islam*. Petaling Jaya: International Islamic University Press, h. 157.

3.3.3 Falsafah dan Prinsip Perbankan Islam

Prinsip yang diamalkan dalam sistem kewangan Islam ialah penerapan nilai dan etos Islam dalam urusan kewangan⁶⁹. Menurut Sobri Salamon⁷⁰, terdapat enam prinsip yang perlu ada dalam sistem perbankan Islam⁷¹.

- 1) Akidah Islamiyyah sebagai asas dalam menjalankan operasi.
- 2) Keuntungan bersama dan tidak ada penipuan antara pihak bank dan pelanggan.
- 3) Mengumpul dan menyumbang dana untuk pembangunan kebajikan masyarakat.
- 4) Menghapuskan kadar faedah seperti yang dilaksanakan oleh bank konvensional, supaya mendapat tanggapan positif daripada pihak masyarakat.
- 5) Perkhidmatan sosial seperti pengumpulan zakat untuk mencapai integrasi umat Islam.
- 6) Perbankan Islam boleh ditubuhkan dalam kepelbagaian bentuk dalam sesebuah masyarakat mengikut keperluan semasa. Seperti pelaburan, kewangan dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, prinsip asas perbankan Islam ialah perkongsian untung dan rugi, keadilan dan pengharaman ke atas jual beli secara riba, agar dapat merencanakan

⁶⁹Fuad Omar (1996), *Islamic Banking Theory: Practice & Challenges*. Karachi: Oxford University Press, h. 21.

⁷⁰Pengerusi Majlis Pengawasan Syariah.

⁷¹Sobri Salamon (1984), *Bank Islam*, Persatuan Ulama Malaysia. H. 21-41; Sayyid Hawari (1982), *Ma Ma'na Bank Islami*. Kaherah: al-Ittihad Dawli Bunuk Islamiyyah, h. 9-58.

pembangunan ekonomi sejagat dalam penjanaan kewangan umat Islam⁷². Bank Islam bukan sahaja beroperasi tanpa sebarang bentuk riba, malah berperanan juga sebagai bank pembangunan, pelaburan dan kebajikan untuk pelanggan-pelagannya⁷³.

Terdapat pihak tertentu yang dipertanggung jawabkan untuk memastikan pembangunan instrumen kewangan Islam beroperasi berpandukan garis panduan Syariah dilaksanakan secara tersusun. Mereka adalah badan pengawal selia kewangan, penasihat Syariah, serta sekretariat⁷⁴. Mereka telah dilantik oleh bank-bank yang menjalankan operasi perbankan Islam dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia Berhad.

Peranan badan pengawal selia dari sudut perundangan ialah memastikan operasi sistem kewangan Islam sentiasa berjalan dengan lancar dan terpelihara⁷⁵. Dari sudut pembangunan instrumen kewangan Islam pula, badan pengawal selia perlu menyediakan garis panduan yang jelas dan terperinci untuk sesuatu produk yang hendak dilaksanakan⁷⁶. Manakala peranan pegawai Penasihat Syariah juga penting kerana mereka terdiri daripada kalangan ulama yang pakar dalam bidang ekonomi moden dan Syariah. Tugas mereka ialah memastikan setiap instrumen yang diaplikasikan, bertetapan dengan panduan yang telah digariskan oleh Syariah⁷⁷.

Oleh yang demikian, bagi memastikan tugas penasihat Syariah berjalan lancar, pihak institusi perlu menyediakan pasukan sekretariat. Mereka ditugaskan untuk

⁷²Hisham b Sabri (2009), "Etika Pelaburan dalam Sistem Muamalat: Satu Tinjauan dari Perspektif Islam", *Jurnal Jaheaik*, Bil. 2, 2009, h. 177.

⁷³Zakariyya Man (1991), *op.cit.*, h.239.

⁷⁴Bank Negara Malaysia (2009), *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam*. Kuala Lumpur: BNMB, h. 10.

⁷⁵*Ibid.*

⁷⁶Suhaimi b Yusof et al (2008), "Pendekatan Membuat Keputusan Syariah Dalam Kewangan Islam", *Jurnal Muamalat*, Bil.2, 2008, h. 160.

⁷⁷Bank Negara Malaysia (2009), *op.cit.*, h. 10.

membantu urusan pentadbiran dan penyelidikan dari aspek Syariah terhadap sesuatu produk yang baru dilaksanakan, supaya penasihat Syariah dapat meneliti sesuatu isu yang dibangkitkan secara menyeluruh sebelum memutuskan sebarang keputusan⁷⁸. Keputusan ini dikenali sebagai *ijtihad jama'ie* kerana keputusan dibuat secara kolektif yang terdiri daripada mereka yang berkecualan dalam Syariah, ekonomi, kewangan dan undang-undang⁷⁹.

3.4 Sistem Perbankan Islam di AmBank Berhad

3.4.1 Sejarah Penubuhan Am Bank Berhad

Pada awalnya, Am Bank Berhad ialah *Arab-Malaysian Development Bank Berhad*. Ia diperbadankan pada 5 Ogos 1975, dengan usaha sama antara *Malaysian Industrial Development Finance Berhad*, *Arab Investment for Asia* dan *National Commercial Bank* (Saudi Arabia). Bank ini mula beroperasi pada 1 April 1976⁸⁰. Pada tahun 1977, AmBank Berhad dikenali sebagai *Arab-Malaysian Finance Berhad* (AMFB). Rentetan itu, pada 1980⁸¹ *Arab Malaysian Finance Berhad* telah menjadi sebuah institusi sektor swasta pertama di Malaysia yang menerbitkan bono awam.

Pada tahun 1982, Tan Sri Dato' Azman Hashim⁸² memperolehi 100 peratus pegangan dalam saham kumpulan. Kemudian, *Arab-Malaysian Finance Berhad* dikenali pula dengan *Arab-Malaysian Merchant Bank Berhad* pada Disember 1983⁸³. Seterusnya, pada tahun 1984, kumpulan *Arab-Malaysian Merchant Bank Berhad* telah melancarkan

⁷⁸*Ibid.*

⁷⁹*Ibid.*, h. 9.

⁸⁰AMMB Holdings Berhad (2008), *Laporan Tahunan 2008*. Kuala Lumpur:AMMB.

⁸¹*Ibid.*

⁸²Pengerusi Bukan Bebas Bukan Eksekutif AmBank.

⁸³*Ibid.*

syarikat modal usaha niaga pertama di Malaysia, mengatur kemudahan pemajakan pengumpulan pertama di Malaysia, melengkapkan kajian kerajaan bagi penswastaan Jabatan Telekom dan mengambil alih *Teguh Insurance Company Sdn Bhd* dan juga *Prima Assurance Berhad* iaitu sebuah syarikat insurans nyawa. Pada tahun 1985, ia ditukarkan kepada *Arab-Malaysian Insurance Berhad*. Kemudian, insurans nyawa dan insurans am disatukan pada tahun 1987 dengan nama *Arab-Malaysian Eagle Assurance Berhad*. Kemudian, AMMB telah memperoleh syarikat pembrokeran saham yang dikenali sebagai *AmSecurities Sdn Bhd* pada tahun 1986⁸⁴.

Pada tahun 1988, kumpulan menjadi bank saudagar yang pertama disenaraikan di bursa saham Malaysia⁸⁵. Manakala, pada 12 Januari 1993, kumpulan melancarkan tabung *Ittikad Arab-Malaysian* iaitu dana amanah saham Islam yang pertama di Malaysia⁸⁶. Walau bagaimanapun, pada tahun 2002, penjenamaan semula dilakukan iaitu dari *Arab-Malaysian Banking Group* kepada *Am Bank Group*. Terdapat bangunan *AmFinance* ditubuhkan di Kuala Lumpur dan dirasmikan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia pada tahun 2005⁸⁷ yang dikenali sebagai Menara AmBank. Manakala pada tahun 2006, AmIslamic Bank memulakan operasi berpandukan Syariah⁸⁸.

3.4.2 Struktur Organisasi Lembaga Pengarah AmBank Berhad⁸⁹

Pengerusi : YB Tan Sri Dato' Azman Hashim

Timbalan pengerusi : YB Dato' Azlan Hashim

⁸⁴ *Ibid.*

⁸⁵ *Ibid.*

⁸⁶ *Ibid.*

⁸⁷ *Ibid.*

⁸⁸ *Ibid.*

⁸⁹ AmBank group, www.ambankgroup.com/en/AboutUs/InvestorRelations/AnnualRepot2009/09LembagaPengarah.pdf, 26 Jun 2012.

Pengarah : YAB Tun Mohammed Hanif Omar
: YB Tan Sri Datuk Dr Aris Othman
: YB Tan Sri Datuk Clifford Francis Herbert
: YB Tan Sri Dato' Mohd Ibrahim Mohd Zain
: YB Dato' Izham Mahmud
: Encik Alexander Vincent Thursby
: Dr Robert John Edgar
: Encik Mark David Whelan
: Encik Cheah Tek Kuang
: Encik Soo Kim Wai
: Encik Wayne Hugh Steveson

3.4.3 Produk dan perkhidmatan di AmBank Berhad

AmBank telah menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan untuk pelanggannya termasuklah operasi perbankan konvensional dan operasi perbankan Islam. Antara produk dan perkhidmatan yang telah ditawarkan oleh pihak AmBank Berhad ialah⁹⁰:

1. Perbankan Runcit
 - i. Pembiayaan Auto
 - ii. Pajakan dan Pinjaman Pelanggan
 - iii. Kad Kredit dan Barisan Kredit
 - iv. Pembiayaan Aset dan Perniagaan Kecil

⁹⁰AMMB Holding Berhad (2009), Laporan Tahunan 2009, h. 5.

- v. Pembiayaan Peribadi
- vi. Pengagihan Runcit (Pengurusan Harta Benda, Perbankan Internet, Perbankan Elektronik dan lain-lain)
- vii. Deposit (Akaun Simpanan, Deposit Permintaan dan Deposit Berjangka Tetap)

2. Perbankan Perniagaan

- i. Perbankan Komersil
- ii. Pembiayaan IKS
- iii. Pembiayaan Dagangan dan Perkhidmatan
- iv. Pemfaktoran
- v. Pengurusan Tunai
- vi. Pembendaharaan Produk
- vii. Deposit

3. Perbankan Pelaburan

- i. Kewangan Korporat
- ii. Pasaran Modal Hutang
- iii. Pasaran Modal Ekuiti
- iv. Derivative Ekuiti
- v. Kewangan Berstruktur
- vi. Pengurusan Dana
- vii. Pembrokeran Saham
- viii. Pembrokeran Hadapan
- ix. Perbankan Persendirian

x. Penyelidikan

4. Perbankan Perhubungan dan Perniagaan Serantau

- i. Pinjaman Korporat dan Institusi
- ii. Ekuiti Swasta
- iii. Pengurusan Amanah Pelaburan Hartanah
- iv. Perniagaan Serantau
- v. Perkhidmatan Amanah

5. Perniagaan Pasaran

- i. Pendapatan Tetap Perbendaharaan
- ii. Pendapatan Tetap Induk
- iii. Pasaran Derivatif Pertukaran Mata Wang Asing, Kadar Faedah dan Komoditi

6. Perbankan Islam

- i. Perbankan Runcit
 - Pembiayaan Auto
 - Pembiayaan Perumahan
 - Perkhidmatan Kad
 - Pembiayaan Aset dan Perniagaan Kecil
 - Pembiayaan Peribadi
 - Pengagihan Runcit (Banca takaful, Pengurusan Harta Benda, Perbankan Internet, Perbankan Mudah Alih dan Lain-Lain)

- Deposit (Simpanan, Permintaan, Pelaburan dan Produk Berstruktur)
 - Perkhidmatan Kiriman
- ii. Perbankan Perniagaan
- Perbankan Komersil
 - Pembiayaan IKS
 - Pembiayaan Dagangan dan Perkhidmatan
 - Pemfaktoran
 - Deposit
- iii. Perniagaan Pasaran
- Pendapatan Tetap Perbendaharaan
 - Pendapatan Tetap Induk
 - Pasaran Derivatif Pertukaran Matawang Asing, Kadar Faedah dan Komoditi.

7. Insurans

- i. Insurans Hayat
- ii. Insurans Am

3.4.4 Perkembangan Sistem Perbankan Islam Di Ambank Berhad.

Pada 1 Mei 2006, AmIslamic Bank telah diperkenalkan dengan meletakkan hak aset dan liability Islam AmBank (M) Berhad ke dalam anak syarikat berasingan yang bermodalkan lebih daripada RM1 billion. AmIslamic Bank mula beroperasi pada 18

May 2006 bersamaan 19 Rabiul Akhir 1427 Hijrah⁹¹. Bermisikikan dengan menawarkan pelanggan-pelanggan mereka dengan produk lengkap kewangan Islam yang inovatif dan perkhidmatan yang mematuhi Syariah tanpa menjejaskan keboleh terimaan produk dan kepuasan pelanggan bagi kedua-dua pasaran tempatan dan serantau⁹². Perkhidmatan perbankan Islam atau lebih dikenali sebagai Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) dari AmBank telah wujud sejak 1993 lagi melalui pelaksanaan operasi secara *dual banking sistem* iaitu perbankan Islam beroperasi seiring dengan perbankan konvensional⁹³.

Pelbagai produk berasaskan prinsip Syariah telah diperkenalkan. Oleh yang demikian, produk dan perkhidmatan AMMB tawarkan mendapat sambutan yang menggalakkan dari pengguna. Oleh sebab itu, AmIslamic Bank telah menawarkan rangkaian lengkap perkhidmatan perbankan pelaburan, komersil dan runcit yang berinovatif⁹⁴. Ini merupakan langkah yang baik oleh Kumpulan AmBank kepada pelanggannya untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan dalam Rancangan Induk Sektor Kewangan, Bank Negara Malaysia iaitu menjadikan Malaysia sebagai pusat kewangan dan perbankan Islam yang pesat.

AmBank Berhad bertanggung jawab menyediakan produk dan perkhidmatan berlandaskan Syariah Islam⁹⁵. Oleh itu, AmIslamic Bank mengambil keputusan untuk menambah baik segala produk serta perkhidmatan yang telah ditawarkan di perbankan

⁹¹ Arab-Malaysian Bank Berhad (2007), Laporan Tahunan 2007, h. 12.

⁹² AmBank group, <http://www.ambankgroup.com/en/Islamic/AboutUs/Pages/CorporateProfile.aspx>. 23 Jun 2012.

⁹³ Arab-Malaysian Bank Berhad (2001), Laporan Tahunan 31 Mac 2001, h. 19.

⁹⁴ Arab-Malaysian Bank Berhad (2007), *op.cit.*, h. 12.

⁹⁵ *Ibid.*, h.19.

Islam⁹⁶. Salah satu perkara yang akan dititikberatkan oleh kumpulan ini ialah menyediakan produk yang inovatif dan komprehensif⁹⁷.

Pada 21 Disember 2006, AmIslamic Bank telah menerbitkan RM400 juta Sukuk Musyarakah Bersubordinat. Tujuannya adalah untuk meningkatkan keperluan modal kerja yang patuh dengan kehendak Syariah sebagai dana perkembangan kewangan Islam di AmIslamic Bank⁹⁸. AmIslamic Bank juga telah berusaha untuk merealisasikan wawasannya dengan menjadi sebuah bank Islam yang penting di rantau ini. Ini kerana operasi perbankan yang dilaksanakan secara Islam menunjukkan prestasi yang cemerlang dan setanding dengan operasi secara konvensional⁹⁹. Oleh itu, banyak rangkaian cawangan, mesin teller automatic (ATM¹⁰⁰), dan pusat e-Banking yang diwujudkan di seluruh Negara bagi meningkatkan lagi kualiti perbankan dan kemudahan untuk pelanggan mereka.

3.4.5 Objektif Penubuhan AmIslamic Bank

Objektif penubuhan AmIslamic Bank ialah¹⁰¹:

- Menjadikan Kumpulan AmBank sebagai perbankan Islam yang utama di rantau ini dengan mengukuhkan kedudukan daya saing dalam persekitaran yang semakin global.

⁹⁶AmIslamic Bank, <http://mrembm.bernama.com/viewsm.php?idm=1810>, 25 Jun 2012.

⁹⁷*Ibid.*

⁹⁸AMMB Holding Berhad (2007) Laporan Tahunan 2007, h. 2.

⁹⁹*Ibid.*

¹⁰⁰Automatic Teller Machines.

¹⁰¹Ambank group, www.ambankgroup.com/en/Islamic/AboutUs/FAQ/Pages/AboutAmIslamicBank.aspx, 21 Jun 2012.

- Merealisasikan matlamat Kumpulan AmBank untuk menjadi sebuah perbankan Islam berlesen sepenuhnya dan mampu untuk menjalankan aktiviti perbankan pelaburan, perbankan komersial dan kewangan.
- Memanfaatkan kekuatan yang ada dalam perbankan Islam. Bermula daripada pelaburan perbankan runcit iaitu menggunakan anak syarikat perbankan Islam sebagai saluran untuk mengambil kesempatan daripada pasaran besar yang berpotensi untuk pembiayaan alternatif.
- Menyokong Rancangan Induk Sektor Kewangan Bank Negara Malaysia serta mencapai wawasan Malaysia untuk menjadi sebagai pusat kewangan Islam serantau.
-

3.4.6 Produk yang Ditawarkan oleh AmIslamic Bank

AmIslamic Bank telah menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan perbankan Islam antaranya¹⁰²:

1) Produk deposit:

- Akaun Semasa-i
- Penyimpan G.A.N.G. Account-i
- Akaun Simpanan-i
- Akaun Pelaburan Am-i
- Pelaburan Am Advance Account-i
- Pelaburan Value Plus Account-i
- Am 50Plus Akaun Pelaburan-i

¹⁰² Ambank group, <http://www.ambankgroup.com/en/Islamic/AboutUs/FAQ/Pages/AboutAmIslamicBank.aspx>, 23 Jun 2012.

- Pelaburan Am Quantum Account-i
- Akaun Pelaburan Afdhal-i
- Akaun Pelaburan Khas-i
- Keluarga Pertama Simpanan Khas Account-i

2) Kemudahan Pembiayaan:

- Al-Taslif Card-i
- Sewa arif Beli-i
- AmHome Financing-i
- HomeLink Financing-i
- Pembiayaan Peribadi-i
- Skim Jaminan Laluan Terus-i
- Pembiayaan Hartanah-i
- Industri Sewa Beli-i
- Industri Sewa Beli-i (Kadar Boleh Ubah)
- Pembiayaan jangka-i
- Pembiayaan Projek-i
- Kontrak Pembiayaan-i
- Pusingan Financing-i
- Bersindiket Pembiayaan-i
- Amanah Resit-i
- Surat Kredit-i
- Bank Jaminan Perkapalan-i
- Pembiayaan Semula Kredit Eksport-i
- Bil Zahir Batin untuk Koleksi-i

- Bil Penerimaan-i
- Kemudahan Barisan Tunai-i

3) Perkhidmatan Perbankan:

- Perkhidmatan ATM
- Pusat Perbankan Elektronik
- Pembayaran Bil Dalam Talian
- Pembiayaan Bayaran Online
- Pembayaran Zakat Online
- Pemindahan Wang Online parti sendiri ketiga Tabung akaun Haji
- GIRO Antara Bank
- Perbankan telefon dengan Hubungi Pusat
- Perbankan melalui telefon bimbit

3.5 Pembiayaan Peribadi di AmIslamic Bank Berhad

AmIslamic Bank ditubuhkan secara rasminya pada 1 May 2006. Sejak penubuhannya, konsep bay' al-inah telah diguna pakai oleh AmIslamic Bank Berhad, termasuklah dalam produk pembiayaan peribadi¹⁰³. Matlamat utama produk pembiayaan peribadi diperkenalkan untuk membantu individu yang memerlukan kewangan¹⁰⁴. Jumlah pembiayaan di AmIslamic Bank Berhad meningkat dari setahun ke setahun¹⁰⁵.

¹⁰³Syarif Amin, Pegawai Syariah AmIslamic Bank Berhad. Temubual pada 17 Julai 2012.

¹⁰⁴Pembiayaan peribadi Ambank. http://www.ambankgroup.com/en/Pages/Result.aspx?k=pembiayaan+peribadi&s=CorporateWebsite_en, 30 Julai 2012.

¹⁰⁵Annual report amislamic bank: <http://www.ambankgroup.com/en/aboutus/investorrelations/annualreports/pages/2011.aspx>. 30 Julai 2012.

3.5.1 Pelaksanaan Produk Pembiayaan Peribadi Di AmIslamic Bank berasaskan *bay' al-'inah*

Pelaksanaan pembiayaan peribadi di AmIslamic Bank bertujuan membantu pelanggan untuk menangani masalah kewangan. Konsep yang digunakan ialah konsep *bay' al-'inah*¹⁰⁶. Terdapat beberapa terma dan syarat yang perlu dipenuhi oleh sesiapa yang ingin memohon pembiayaan peribadi-i di AmIslamic Bank iaitu seperti berikut¹⁰⁷:

- Terbuka kepada semua kakitangan kerajaan, kakitangan kerajaan Negeri, Badan Berkanun dan Syarikat Berkaitan Kerajaan yang berusia di antara 19 hingga 58 tahun.
- Berjawatan tetap serta berkhidmat melebihi 3 bulan.
- Berstatus kontrak melebihi 2 penggal atau satu tahun perkhidmatan.
- Potongan gaji untuk ansuran bulanan tidak melebihi 60% daripada jumlah pendapatan kasar setiap bulan.
- Jumlah pembiayaan minimum RM5000 dan maksimum RM200,000
- Tempoh pembayaran balik minimum dari setahun hingga 20 tahun melalui Biro Perkhidmatan Angkasa.
- Kadar keuntungan yang diiklankan hanya layak untuk jumlah pembiayaan melebihi RM50,000 yang dipohon oleh kakitangan kerajaan dan badan berkanun sahaja.
- Kelulusan segera 24 jam adalah tertakluk kepada penilaian kredit dari tarikh penilaian dibuat.

¹⁰⁶Personal financing ambank group, <http://www.ambankgroup.com/en/Islamic/Personal/Financi/PersonalFinancing/pages.aspx#>, 28 Jun 2012.

¹⁰⁷Ambank group, <http://www.ambankgroup.com/en/termsconditions/pages/kempenpembiayaanperibadi.aspx>, 28 Jun 2012.

Pihak bank akan meluluskan pembiayaan melalui faktor keupayaan pelanggan untuk membayar balik pembiayaan. Oleh itu, pihak bank akan melakukan *credit checking* dan beberapa proses lain seperti CCRIS (*Central Credit Reference Information System*) dan CTOS(*Credit Tip Off Services*) ke atas pelanggannya terlebih dahulu sebelum meluluskan pembiayaan atau tidak¹⁰⁸.

Aset (*ma'qud 'alayh*) yang telah diguna pakai oleh AmIslamic Bank Berhad bagi produk pembiayaan peribadi-i adalah Mudharabah Interbank Investment (MII). Harga dan nilai aset adalah bersamaan dengan jumlah pembiayaan. Ianya akan dinyatakan dalam akad jual beli tersebut¹⁰⁹.

Kadar keuntungan yang diambil oleh pihak bank adalah berbeza dan ianya bergantung kepada tempoh pembiayaan. Sekiranya berlaku *default* atau kejadian mungkir, pihak bank akan mengenakan compensation charge (*ta'wid*) atau caj ganti rugi. Ia berdasarkan kepada situasi berikut¹¹⁰:

- i. Jika dalam keadaan tempoh pembiayaan, ia dikenakan 1% setahun ke atas jumlah bayaran bulanan yang tertunggak.
- ii. Jika dalam keadaan selepas tamat tempoh pembiayaan, ia dikenakan berdasarkan kadar semasa pasaran wang antara bank-bank secara Islam ke atas baki prinsipal yang tertunggak.

¹⁰⁸Syarif Amin, Pegawai Syariah AmIslamic Bank Berhad. Temubual pada 17 Julai 2012.

¹⁰⁹*Ibid.*

¹¹⁰*Ibid.*

Namun demikian, tiada masalah yang timbul dalam melaksanakan konsep bai' al-'inah dalam pembiayaan peribadi ini, dan tiada isu pelanggan lewat bayar kerana bayaran dibuat melalui kaedah potongan gaji melalui biro ANGKASA¹¹¹.

Pihak bank juga berhak untuk mengetahui tujuan pelanggan untuk mendapatkan pembiayaan. Hal ini adalah untuk mengelak daripada bank memberi pembiayaan untuk tujuan yang tidak dibenarkan oleh syarak. Namun, operasi, cara akad dan syarat ke atas pemohon pembiayaan peribadi *non-muslim* adalah sama seperti yang dikenakan kepada pelanggan yang beragama Islam¹¹².

Sambutan masyarakat terhadap produk bay al-'inah dalam pembiayaan peribadi adalah menggalakan. Hal ini dapat dibuktikan apabila AmIslamic Bank Berhad adalah antara institusi-institusi kewangan Islam yang menawarkan produk pembiayaan peribadi. Manakala, pada tahun 2011, AmIslamic Bank Berhad merupakan institusi yang keempat terbesar dalam pembiayaan peribadi di kalangan institusi-institusi kewangan Islam yang lain¹¹³.

Manakala terdapat keistimewaan dan faedah pembiayaan peribadi di AmIslamic Bank iaitu pembiayaan tanpa penjamin, mendapat kelulusan segera, tiada bayaran pendahuluan, tiga bulan ansuran bulanan, rebat ke atas pembayaran awal, kadar keuntungan rendah, tempoh pembiayaan sehingga 20 tahun, kad-i Al-Taslif pra lulus bagi pemohon yang berpendapatan bulanan RM1,500 ke atas serta mendapat perlindungan Takaful¹¹⁴.

¹¹¹ *Ibid.*


¹¹² *Ibid.*

¹¹³ *Ibid.*

¹¹⁴ *Ibid.*

Berikut adalah rajah operasi pembiayaan peribadi berasaskan bay' al-'inah.

Rajah 3.1: Operasi Pembiayaan Peribadi berasaskan bay' al-'inah



Sumber: Zaharuddin Abd Rahman, *Panduan Perbankan Islam: Kontrak & Produk Asas*. Selangor: Telaga Biru Sdn. Bhd, h. 18.

Oleh yang demikian, bagi keterangan rajah di atas ialah:

1. Pelanggan memerlukan wang sebanyak RM5000. Kemudian pelanggan memohon kepada AmIslamic Bank Berhad. Untuk meluluskan pembiayaan, pihak bank akan melakukan '*credit checking*' dan beberapa proses lain. Setelah tiada masalah, pihak bank akan meluluskan pembiayaan tersebut.
2. Selepas itu, pihak bank akan menjual aset dari pihak bank kepada pelanggan iaitu Mudharabah Interbank Investment (MII). Nilainya sama dengan jumlah pembiayaan yang dinyatakan. Sebagai contoh, bank akan menjual asetnya dengan harga RM10,000 secara tangguh dalam tempoh 5 tahun.
3. Kemudian pelanggan akan terus menjual aset tersebut kepada pihak bank yang sama dengan harga RM5000 secara tunai.

Kesimpulannya, pihak pelanggan akan menerima wang yang diperlukan dengan cara menjual balik aset yang dibeli secara tunai. Manakala pihak bank pula menerima keuntungan sebanyak RM5000 dalam masa 5 tahun secara ansuran, hasil daripada jualan aset kepada pelanggan.

3.6 Kesimpulan

Kesimpulannya, pembiayaan peribadi merupakan salah satu cabang kepada pembiayaan hutang yang telah dilaksanakan sejak zaman-berzaman. Pembiayaan peribadi merupakan produk yang dibenarkan oleh syarak kerana memberi kemudahan tunai kepada pelanggan iaitu pinjaman secara Islam. Setelah tertubuhnya perbankan Islam, pembiayaan peribadi bukan lagi berunsurkan riba. Malah, ia dilaksanakan berdasarkan hukum syarak yang telah ditetapkan. Namun realitinya, Islam tidak menggalakkan umatnya untuk membuat pinjaman kewangan terutama dengan tujuan kehendak bukan kepada keperluan¹¹⁵.

Penubuhan perbankan Islam telah mendatangkan banyak kelebihan. Antaranya, bank dapat menjalankan operasi berlandaskan prinsip Syariah yang telah ditetapkan, membantu para Muslim untuk mendapatkan pembiayaan dan penyimpanan wang, serta mengelakkan masyarakat Islam daripada terlibat dalam urusan kewangan secara riba. Lantaran itu, terdapat pelbagai alternatif untuk menggantikan produk atau perkhidmatan yang berunsurkan riba. Seperti yang telah dilaksanakan oleh AmIslamic Bank, ia menawarkan produk-produk yang telah menepati kehendak Syariah, iaitu menurut mazhab Syafie dan keputusan Majlis Syariah Bank Negara Malaysia (BNM). Antaranya ialah produk pembiayaan peribadi yang menggunakan konsep *bay al-'inah*, produk pembiayaan modal kerja berkonsepkan murabahah dan sebagainya. Namun begitu, isu syariah tentang hukum dalam *bay al-'inah* tetap menjadi isu dan pertikaian ulama semasa, walaupun syarat dan operasi yang dijalankan menepati piawaian majlis syariah.

¹¹⁵Syahnaz Binti Sulaiman (2009), "Konsep Pinjaman Menurut Perspektif Islam", *Jurnal Penyelidikan Islam*, Bil.2, 2009, h. 169.

Oleh itu, dalam bab empat, penulis telah mencadangkan instrumen lain iaitu komoditi murabahah untuk menggantikan instrumen *bay al-'inah* supaya ia menjadi lebih fleksibel.